

31/12/2001

Jual kontrak punca projek makmal gagal

Ziauddin Sharuddin; Rohaniza Idris; Tuan Nazuri Tuan Ismail
KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, amalan kontraktor Bumiputera menjual kontrak kepada orang lain dikenal pasti sebagai punca utama sebahagian besar projek makmal komputer sekolah di Semenanjung gagal disiapkan.

Perdana Menteri berkata, projek itu dijual kepada kontraktor lain yang seterusnya menjualnya kepada pihak lain semata-mata untuk mendapatkan keuntungan cepat.

"Kita hendak bagi peluang kepada kontraktor Bumiputera, (tetapi) dia jual kontrak itu kepada orang lain dan orang itu jual kepada orang lain pula.

"Lepas tu, pihak terakhir yang hendak buat itu, keuntungannya kecil sangat, kadang-kadang dia tidak upaya siapkan," katanya selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri di kediaman Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin di sini, hari ini.

Dr Mahathir mengulas laporan kegagalan kontraktor menyiapkan projek itu, walaupun Kementerian Pendidikan melanjutkan tempoh buat kali ketiga bagi empat kontraktor utama.

Menurut laporan itu, sehingga 15 Disember lalu, daripada 1,840 projek makmal komputer di empat zon semenanjung, 195 belum dibina terutama di zon timur walaupun tempoh menyiapkannya berakhir esok.

Perdana Menteri berkata, jika kontraktor pertama yang menjalankan projek itu, sudah tentu syarikat berkenaan mendapat banyak keuntungan dan mampu menyiapkannya pada tempoh ditetapkan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji punca sebenar kelembapan kontraktor menyiapkan projek berkenaan.

"Kita kena periksa kenapa, tentu ada sebabnya. Tahun baru ini, kita akan kaji," katanya.

Di MACHANG, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata kegagalan menyiapkan akan memberi kesan besar kepada kira-kira lima juta pelajar yang dijangka mengikuti subjek berkenaan.

"Perkara ini di luar kawalan sekolah, maka saya berharap pihak yang ditugas menyediakan frasarana penting ini dapat bekerja lebih keras supaya makmal komputer ini dapat digunakan bagi memberi faedah kepada semua pelajar.

"Kita memulakan fasa pertama sebanyak 2,400 buah dan keseluruhannya mempunyai sebanyak 9,000 buah sekolah di seluruh negara bagi membina makmal komputer," katanya selepas merasmikan Persatuan Sains dan Matematik Kelantan serta lawatan kerja ke Sekolah Kebangsaan Pulaui Chondong di sini, petang ini.

Abdul Rafie berkata, walaupun makmal komputer itu gagal disiapkan, Kementerian Pendidikan tetap mahukan subjek IT berkenaan dijalankan di semua sekolah di seluruh negara mengikut jadual.

Sehubungan itu, katanya, semua pentadbir sekolah terbabit diarah menjalankan pengajaran subjek berkenaan mengikut kesesuaian keadaan dan tempat masing-masing.

"Kita tetap akan memulakan pelajaran komputer ini dengan apa cara sekalipun mulai tahun depan, tetapi saya berharap dengan ada kemudahan sempurna, pelajar akan berasa lebih seronok untuk belajar dan yang penting projek makmal komputer ini mesti disiapkan segera," katanya.

(END)